

Peminat Hot Wheels berkumpul

BANTING - Hot Wheels Banting Collector's Official berhasrat menjadikan Program Perjumpaan dan Pertandingan Kereta Hot Wheels sebagai platform menyatupadukan peminat permainan itu.

Pengerusinya, Wan Putra Noor Shahan Ngadirin berkata, program dengan kerjasama Giant Banting itu merupakan satu program yang menggalakkan peminat kereta berkenaan mencuba bakat.

Menurutnya, sepanjang program itu, pengunjung pasar raya turut berpeluang

menyertai perlumbaan di samping melihat sendiri beraneka jenis model kereta.

"Saya lihat bila kenakan syarat iaitu peserta perlu guna jenama Hot Wheels sahaja dan perlu menggunakan tayar plastik (tayar getah tidak dibenarkan) tak diubah suai menjadi tumpuan pengumpul kereta itu.

"Aktiviti ini bakal menjadi tumpuan kerana kita berhasrat menganjurkan pada setiap tahun atau ketika diadakan program tertentu," katanya.

Wan Putra Noor Shahan berkata, aktivi-

ti ini mungkin agak luar biasa namun mempunyai peminat tersendiri malah kanak-kanak juga antara pengumpul kereta itu.

Katanya, dia hendak melihat aktiviti santai itu terus mendapat perhatian ramai pihak dan menjadikannya sebagai program bergerak di beberapa kawasan lain sekitar Kuala Langat, sekiranya sesuai.

"Pada program ini, sebanyak 358 kereta menyertai perlumbaan dan pengunjung turut memberi sokongan hingga akhir program," katanya.



Beraneka model Hot Wheels turut dipamerkan pada Program Perjumpaan dan Pertandingan Kereta Hot Wheels.



Antara peminat Hot Wheels yang hadir menyaksikan perlumbaan di Giant Banting.

Gangguan bekalan elektrik

BANTING - Penduduk di beberapa kawasan sekitar Banting bakal berdepan gangguan bekalan elektrik bagi kerja naik taraf sistem perlindungan di beberapa kawasan sekitar Banting.

Jurutera Pengendalian dan Senggaraan (Banting), Aizat Rajaie Zaini dalam satu kenyataan memaklumkan, gangguan bekalan elektrik berkenaan akan berlaku pada 21 Ogos ini bermula jam 2 pagi hingga 6 pagi.

Menurutnya, antara kawasan terlibat termasuklah seluruh kawasan Sungai Langat, Sungai Kelambu, Kanchong, Kampung Sawah, Kampung Bandar, Permatang Pasir, Banting Baru, Kelanang, Jalan Klang Banting, dari Pekan Jenjarum ke Bandar Banting, Seri Cheeding, Kampung Jenjarum, Sungai Jarum, Sungai Sedu, seluruh taman perumahan sekitar Bandar Banting, Sungai Manggis, Telok Datok, Teluk Bunut, Jugra dan sekitar kawasan Morib dan Kampung Endah.

Bayar cukai taksiran sebelum 1 September

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) mengajak orang ramai menjelaskan cukai taksiran bagi penggal kedua sebelum 1 September ini.

Pelanggan boleh menyemak dan membuat bayaran melalui capaian e-Taksiran MDKL atau hubungi Bahagian Hasil, MDKL menerusi talian 03-31872825 atau 03-31872732.

Dalam pada itu, MDKL turut mengajak orang ramai menghubungi pihaknya dengan emelkan ke alamat admin@mdkl.gov.my.

MPP Zon 16 tangkis khabar angin

Taman Permai masih bebas denggi, pelbagai usaha dilakukan bagi basmi aedes

KELANANG - Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 16 menegaskan Taman Permai bebas kes denggi.

Pengerusinya, Mohd Shafiee Harun berkata, kawasan itu mempunyai potensi berlakunya denggi, namun sehingga kini masih belum ada kes seperti yang dihebohkan.

Menurutnya, pihaknya mengambil langkah awal memastikan kawasan persekitaran taman berkenaan bersih.

"Kita ambil langkah bersihkan kawasan sebelum berlakunya gelombang kedua denggi supaya tak ada kes masuk ke kawasan ini.

"Memang kawasan ini berdepan sistem perparitan tak sempurna disebabkan air tidak disalurkan terus ke parit besar, namun kita akan pantau," katanya pada Program Cegah Denggi di Taman Permai, Kelanang.

Mohd Shafiee berkata, bagi memastikan kebersihan



Antara penduduk yang turut serta menjayakan Program Cegah Denggi di Taman Permai, Kelanang, baru-baru ini.

an dikekalkan, beliau mengajak penduduk supaya peka dengan keadaan sekitar.

"Kita adakan pembersihan di keempat-empat perumahan besar di Zon 16 dan kesemua taman yang saya selia sudah jalankan aktiviti ini.

"Kita tak nak dengar kes denggi berlaku di MPP Zon 16 sekali gus memberi kesan kepada penduduk," katanya.

Sementara itu, Adun Morib, Hasnul Baharudin berkata, tidak dinafikan kawasan itu merupakan kaw-

san perumahan lama dan perparitan yang ada perlu dinaik taraf.

Katanya, semasa tinjauan dilakukan, beliau mendapati, outlet ke parit besar tersumbat dan MDKL perlu mengambil langkah segera.



Sebahagian penduduk melihat keadaan sistem perparitan yang perlu diberi perhatian di Taman Permai.

"Penduduk pula perlu beri kerjasama dan pastikan penutup longkang dibuka selain penyambungan perlu dibuat dengan kebenaran MDKL.

"Kalau tak, memang susahlah MDKL nak cuci longkang," katanya.

Selain MPP Zon 16, Persatuan Penduduk Taman Permai, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat dan MDKL turut terlibat dalam aktiviti membersihkan kawasan sempena Program Cegah Denggi di kawasan itu.